

## **BAHAGIAN III — Permohonan & Kebenaran**

### **3.1 Kebenaran Bertulis Bagi Penggunaan Kenderaan Motor Di Dalam Kampus**

- 3.1.1 Kakitangan atau pelajar yang bercadang menggunakan kenderaan motor di dalam hendaklah, memohon kepada Naib Canselor dan mendapatkan suatu kebenaran bertulis berkenaan dengannya; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam borang atau kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor.
- 3.1.2 Kakitangan atau pelajar yang telah mendapat kebenaran dan mendaftar mengikut peraturan 3.1.1 hendaklah mempamerkan di kenderaan yang telah didaftarkan itu suatu pelekat atau tanda yang ditentukan oleh Naib Canselor.
- 3.1.3 Kebenaran itu hendaklah diperbaharui pada setiap tahun dan peruntukan subperaturan 3.1.1 dan 3.1.2 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu permohonan untuk pembaharuan.
- 3.1.4 Naib Canselor boleh enggan memberi kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan di bawah peraturan ini jika dia berpuas hati bahawa kebenaran atau pembatalan apa-apa kebenaran yang diberikan itu adalah untuk kepentingan universiti.

### **3.2 Daftar Kenderaan Motor**

Naib Canselor hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan suatu daftar bagi semua kenderaan motor yang dipunyai oleh kakitangan atau pelajar di dalam kampus dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Naib Canselor.